

Terma dan Syarat RATU GRAND MERDEKA 2018

1. Pertandingan RATU GRAND MERDEKA 2018 adalah dianjurkan oleh GRAND MERDEKA DEVELOPMENT SDN BHD (MANAGEMENT CORPORATION).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada perempuan kaum Kadazandusun / Murut atau kacukan Kadazandusun / Murut yang berasal dari Sabah dan Warganegara Malaysia.
3. Peserta hendaklah berumur di antara 18 hingga 29 tahun sahaja.
4. Peserta haruslah tidak pernah terlibat dalam mana-mana kegiatan gejala sosial.
5. Pakaian, solekan, dandan dan perhiasan semasa hari pertandingan hendaklah ditanggung oleh peserta.
6. Borang penyertaan hendaklah diserahkan sebelum 31 Mei 2018. Sebarang penyertaan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
7. Keputusan panel hakim dan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan selepas pertandingan.
8. Semua tarikh-tarikh yang dinyatakan di dalam terma dan syarat, dan borang penyertaan adalah jangkaan sahaja. Pihak penganjur boleh mengubah tarikh pada bila-bila masa apabila perlu.
9. Sekiranya peserta menjadi pemenang kepada pertandingan RATU GRAND MERDEKA 2018, peserta tersebut harus menandatangani kontrak perjanjian untuk dinobatkan sebagai pemenang rasmi dan harus mengikuti semua syarat-syarat di dalam kontrak tersebut. Kontrak perjanjian pemenang akan dilampirkan bersama terma dan syarat ini.
10. Penyertaan dan status sebagai RATU GRAND MERDEKA 2018 boleh dibatalkan atau ditarik semula oleh penganjur jika didapati penyertaan seseorang peserta tidak menepati terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penganjur. Contohnya, jika maklumat yang diberikan tidak benar, atau terlibat dengan gejala yang menyebabkan aib kepada penganjur.
11. Semua hadiah berupa wang tunai akan diberikan kepada pemenang-pemenang dalam masa 7 hari selepas hari terakhir pertandingan.
12. Semua terma dan syarat yang tertera berhak ditambah atau ditukar oleh penganjur tanpa perlu memberitahu kepada mana-mana pihak sekalipun.

Tandatangan peserta,
